



KENYATAAN MEDIA

UNTUK SIARAN SEGERA

POTONGAN GAJI PELANGGAN PTPTN KINI LEBIH MUDAH MELALUI PORTAL MAJIKAN *ONLINE*

1. Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) terus mengorak langkah ke arah pendigitalan dengan memperkenalkan satu lagi inisiatif perkhidmatan dalam talian melalui Portal Majikan *Online* untuk memudahkan urusan potongan gaji oleh pihak majikan. Perkhidmatan dalam talian ini memberi kemudahan *platform* kepada majikan dengan proses pengesahan dan semakan data yang lebih mudah dengan proses keseluruhan potongan gaji dilaksanakan secara digital.
2. Menurut Ketua Eksekutif PTPTN, “Potongan gaji pelanggan yang sebelum ini diuruskan secara manual telah boleh dilaksanakan oleh pihak majikan secara dalam talian melalui Portal Majikan *Online* di pautan <https://www.ptptn.gov.my/PortalMajikan/Utama>. Portal Majikan *Online* yang diperkenalkan adalah sebagai salah satu agenda pendigitalan ke arah penambahbaikan perkhidmatan dalam talian untuk memudahkan urusan potongan gaji ke arah perkhidmatan PTPTN yang lebih cekap dan efisien.”
3. “Dengan adanya Portal Majikan *Online*, majikan boleh melakukan transaksi potongan gaji pekerja pada bila-bila masa dengan mudah, cepat dan selamat. Melalui inisiatif ini akan memudahkan majikan melaksanakan potongan gaji untuk bayaran balik pinjaman atau penabungan dalam Simpan SSPN oleh peminjam PTPTN atau pendeposit Simpan SSPN.”
4. “Kerajaan melalui Belanjawan 2024 juga telah bersetuju dengan pemberian insentif diskaun 15 peratus untuk bayaran balik pinjaman PTPTN secara potongan gaji bermula 14 Oktober 2023 hingga 31 Mac 2024. Diharapkan agar para majikan membantu pekerja mereka yang merupakan peminjam PTPTN untuk mengambil peluang membuat bayaran balik melalui potongan gaji dan menikmati insentif diskaun yang diberikan oleh Kerajaan,” ujar beliau.
5. Pihak majikan boleh melayari Portal Rasmi PTPTN atau menghubungi *Careline* PTPTN di talian 03-2193 3000 untuk sebarang maklumat lanjut.

Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN)
14 November 2023